



Headline: Wanita rugi RM38,480 ditipu 'syarikat kurier'
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 20 May 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 20

Wanita rugi RM38,480 ditipu 'syarikat kurier'

Port Dickson: Seorang pembantu tadbir di Port Dickson mendakwa kerugian RM38,480 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pihak syarikat kurier dan pegawai polis pada 15 Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Aidi Sham Mohamed, mangsa wanita berusia 46 tahun itu mendakwa menerima panggilan daripada syarikat kurier terbabit memaklumkan ada bungkusan barang terlarang atas namanya di pejabat itu, namun mangsa menafikan perkara berkenaan.

Katanya, panggilan mangsa kemudian disambungkan kepada seorang individu kononnya pegawai polis dikenali sebagai 'Asisten Superintendan Wong' yang memberitahu wanita itu terbabit dengan kes penguba-

han wang haram dan pengedaran dadah.

"Mangsa juga diminta untuk menyerahkan maklumat perbankan dalam talian, iaitu 'username' dan kata laluan bagi empat akaun miliknya," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Aidi Sham berkata, mangsa kemudian menyerahkan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) yang diterima untuk tujuan pemindahan wang kepada pegawai polis itu.

"Semua wang milik mangsa daripada empat akaun itu dipindahkan kepada akaun yang tidak dikenal pasti sebanyak RM38,480.

"Mangsa membuat laporan polis pada hari sama dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu," katanya.